



BOT yang dicuri ditemui di Teluk Sepanggar.

3 lelaki bersenjata cerobohi pusat pemeliharaan ikan UMS

Oleh Jimmy Goh & Larry Ralon

KOTA KINABALU: Tiga lelaki disyaki bersenjata menceroboh tempat pemeliharaan ikan dalam sangkar luar pantai Universiti Malaysia Sabah (UMS), pada awal Selasa sebelum melarikan salah sebuah daripada dua botnya.

Terdapat tiga pengawal keselamatan persendirian bertugas di tempat itu, yang terletak kira-kira dua kilometer dari pantai di belakang UMS, ketika kejadian itu berlaku pada kira-kira pukul 1.30 pagi.

Para pengawal itu, yang bekerja mengikut syif 12 jam bermula jam 8.00 malam, mendakwa mereka berada di surau apabila tiga orang tidak dikenali itu menghampiri dengan sebuah bot dalam kegelapan.

Semasa bot itu berada kira-kira 20 meter dari tempat itu, para pengawal berkenaan mendengar suara meminta mereka jangan bergerak dan berdiam diri.

Para pengawal itu mendakwa mereka nampak lelaki itu memegang sesuatu seperti senjata jadi mereka ikut sahaja apa yang

diarah. Dua lelaki tidak dikenali itu naik ke tempat itu dan membawa dua daripada pengawal itu ke tempat dua buah bot itu diikat. Perompak itu kemudian naik ke salah sebuah daripadanya yang mempunyai enjin 30 kuasa kuda, memotong talinya lalu meluncur laju.

Seorang lagi perompak itu mengekori dari belakang, tanpa mencederakan sesiapa. Perompak itu juga tidak mengusik sangkar ikan itu yang mempunyai 10 blok tiap satu berisi antara 380 hingga 450 ekor ikan.

Bot peronda polis marin dikerah ke tempat kejadian setelah pengawai itu memaklumi Pangkalan Polis Marin Bandaraya Kota Kinabalu.

Pegawai Staf Polis Marin Bandaraya Kota Kinabalu, ASP Husaini Zainal Abidin, yang mengesahkan kejadian itu berkata, bot peronda menemui bot yang dicuri itu tanpa enjinnya di sekitar Teluk Sepanggar, pada kira-kira jam 5.00 pagi.

Belum ada tangkapan dibuat, katanya, dan siasatan masih berjalan.